

Jenis Akhbar : Berita RTM

Tarikh : 24/02/2023

Edisi / Muka Surat : <https://berita.rtm.gov.my/>

Tajuk : Program khatan: Tingkat semangat ukhuwah sesama masyarakat

Program khatan: Tingkat semangat ukhuwah sesama masyarakat



SELANGOR, 24 Februari - Program berkhatan anjuran Kesatuan Kakitangan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (KESUKA) merupakan satu usaha dan khidmat bakti yang sangat baik selain dapat meningkatkan semangat kekeluargaan serta mengukuhkan lagi ikatan ukhwah dalam kalangan warga ANGKASA.

Program itu juga membuktikan bahawa semua pihak boleh bersatu atas nama kepentingan bersama terutamanya apabila membabitkan tuntutan ataupun syariat agama.



Menurut Timbalan Presiden ANGKASA, Prof Madya Datuk Dr Abdul Rahman Abdul Razak Shaik yang mewakili Presiden ANGKASA, ketika berucap dalam perasmian Majlis Berkhatan yang

berlangsung semalam (23 Februari 2023) di Dewan Dato' Ali Baharum, Wisma Ungku A. Aziz, Kelana Jaya.

Menurut beliau, program tersebut merupakan satu usaha positif dalam membina semangat berkoperasi iaitu menyediakan kemudahan secara bersama demi kemudahan dan manfaat bersama.

"Program seumpama ini juga dapat dinikmati oleh komuniti lain seperti kakitangan ANGKASA khususnya masyarakat sekitar" ujar beliau.

Beliau juga turut mencadangkan pada masa akan datang agar program tersebut dianjurkan secara kerjasama dengan Persatuan Penduduk Kelana Jaya atau Masjid Tabung Haji supaya jumlah penyertaan dapat ditingkatkan dan dalam masa yang sama, dapat mengeratkan silaturahim serta ukhuwah sesama masyarakat.

Program kali ini menyaksikan seramai lapan orang kanak-kanak mengambil bahagian dan diuruskan oleh Dr Basimullah Yusof dari Home Khatan Services, Seri Kembangan, Selangor.

Hadir sama dalam program tersebut ialah Anggota Lembaga ANGKASA iaitu Datuk Mohamad Ali Hasan dan Datuk Kamarudin Ismail.